

KPT wujud sistem pengesanan graduan

BH (Tmnr)
14/3/13
msN3
linn

Kuantan: Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) akan mewujudkan sistem pengesanan graduan bagi mengetahui status pekerjaan dan gaji mereka selepas setahun menamatkan pengajian masing-masing.

Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi, Profesor Datuk Dr Rujhan Mustafa, berkata pihaknya sudah bermesyuarat dengan Unit Perancang Ekonomi (EPU), kelmarin mengenai konsep sistem itu yang turut bertujuan memantau kadar pengangguran dalam kalan- gan graduan lepasan institusi pengajian tinggi (IPT).

Beliau berkata, sistem itu juga dapat meni- lai kualiti program yang disediakan IPT awam dan swasta sekali gus memberi ruang untuk penambahbaikan demi kepentingan graduan pada masa depan.

Katanya, ketika ini, jabatan itu dan uni- versiti hanya membuat pengesanan status graduan masing-masing bagi tempoh enam bulan pertama selepas tamat pengajian masing-masing.

"Namun, kita tidak mempunyai satu sistem yang dapat mengesan mereka selepas tempoh berkenaan untuk mendapatkan gambaran lebih tepat status pekerjaan sama ada mengikut bidang pengajian dan gaji yang diterima setimpal dengan kelayakan mereka.

"Ini penting sejajar dengan hasrat negara menuju status negara maju, maka dapat membantu kita memastikan pendapatan bekas* graduan ini setaraf dengan kelulusan mereka terutama dalam bidang profesional.

"Sistem yang hendak kita bangunkan ini juga boleh membantu memantau kadar pengangguran graduan selain menilai tahap keberkesanannya program yang disediakan memenuhi keperluan pihak industri dan pasaran," katanya selepas melawat program Karnival Pengajian Tinggi Negara (KPTN) Jom Masuk U, di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sultan Ahmad Shah, di sini, semalam.

Hadir sama Naib Canselor Universiti Malay- sia Pahang (UMP), Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim.

Ketika ini, purata nasional graduan IPT yang memperoleh pekerjaan selepas tamat pengajian ialah 75 peratus dan ada universiti yang kadarnya lebih tinggi seperti UMP iaitu 79 peratus.

Karnival 'Jom Masuk U' yang berlangsung selama dua hari berakhir hari ini dijangka menerima lebih 40,000 pengunjung terutama lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Karnival itu akan diperluas ke kawasan luar bandar dan pedalaman dengan pengan- juran dalam skala kecil kepada pelajar, guru dan ibu bapa di situ.



Karnival 'Jom Masuk U' di Kuantan, Pahang.
[FOTO AFIF ABD HALIM/ BH]